

# SSM PERKENALKAN KRITERIA BAHARU PENGECAULIAN AUDIT UNTUK SYARIKAT SWASTA : MENCAPAI KESEIMBANGAN ANTARA MENGURANGKAN BEBAN PEMATUHAN PERATURAN DAN MENINGKATKAN KETELUSAN



Sebagai usaha untuk menyokong pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah memperhalusi semula kriteria pengecualian audit sedia ada. Inisiatif ini, yang sejajar dengan amalan terbaik antarabangsa, bertujuan mengurangkan beban peraturan bagi syarikat swasta di samping mengekalkan ketelusan dan akauntabiliti.

Sejak pengenalan rangka kerja pengecualian audit di bawah subseksyen 267(2) Akta Syarikat 2016, syarikat swasta yang layak, dibenarkan untuk tidak menjalankan audit statutori di bawah syarat-syarat tertentu. Syarat-syarat ini yang ditetapkan di bawah Arahan Amalan No. 3/2017 pada awalnya terpakai kepada tiga kategori: syarikat dorman, syarikat tanpa hasil dan syarikat yang memenuhi syarat ambang tertentu.

Syarikat dorman adalah syarikat yang tidak aktif sejak diperbadankan atau sepanjang tahun kewangan semasa dan sebelumnya, layak untuk mendapat pengecualian audit di bawah rangka kerja pengecualian audit. Syarikat tanpa hasil, yang tidak mempunyai hasil dalam tahun kewangan semasa dan dua tahun kewangan sebelumnya serta jumlah aset tidak melebihi RM300,000 dalam tempoh yang sama, juga layak di bawah rangka kerja ini. Syarikat yang memenuhi syarat ambang pula perlu memenuhi ketiga-tiga syarat berikut: hasil tahunan di bawah RM100,000, jumlah aset di bawah RM300,000 dan mempunyai tidak lebih daripada lima pekerja dalam tempoh dua tahun kewangan sebelumnya.

## Kriteria Pengecualian Audit di Bawah Arahan Amalan No.3/2017 Bertarikh 4 Ogos 2017

**Syarikat persendirian layak untuk pengecualian audit jika memenuhi salah satu daripada tiga kategori berikut:**

### Syarikat Dorman

Entiti yang tidak mempunyai transaksi signifikan sejak penubuhan atau dalam tahun kewangan semasa dan tahun kewangan sebelumnya.

### Syarikat Tanpa Hasil

Syarikat yang tidak menjana sebarang hasil dalam tahun kewangan semasa dan dua tahun kewangan sebelumnya, dengan jumlah aset tidak melebihi RM300,000 dalam tempoh yang sama.

### Syarikat yang Memenuhi Had Kelayakan

Syarikat dengan hasil dan jumlah aset yang tidak melebihi RM100,000 dan RM300,000 dalam tahun kewangan semasa dan dua tahun kewangan sebelumnya serta mempunyai tidak lebih daripada lima orang pekerja.

Walaupun langkah-langkah ini telah diperkenalkan, hanya 7% daripada syarikat yang layak mengemukakan penyata kewangan tanpa audit, menunjukkan keperluan untuk had kelayakan yang lebih inklusif.

Pengenalan kriteria baharu ini merupakan langkah strategik ke arah meningkatkan daya saing syarikat swasta, mempercepatkan proses pematuhan, serta memperkuuh daya tahan korporat dalam menghadapi cabaran ekonomi global. Selaras dengan prinsip kelestarian Malaysia MADANI, inisiatif ini mengurangkan kos pematuhan, membolehkan syarikat, terutamanya PKS, mengoptimalkan sumber kewangan, memperluaskan perniagaan dan memberi tumpuan dalam inovasi. Dengan mengurangkan beban kawal selia, kita dapat mewujudkan sektor korporat yang lebih dinamik, yang dapat menyalurkan sumber ke dalam teknologi baharu, pembangunan produk dan pertumbuhan pasaran.



**YB Datuk Armizan Mohd Ali**  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup

## Kajian Semula Rangka Kerja Pengecualian Audit untuk Impak yang Lebih Besar

Walaupun 65,146 penyata kewangan yang tidak diaudit telah dikemukakan kepada SSM sejak 2017, kadar serah simpan yang direkodkan sangat rendah iaitu hanya 7% daripada syarikat yang layak. Ini disebabkan nilai ambang di Malaysia merupakan antara yang paling rendah di rantau ini. Sebagai perbandingan, negara seperti Brunei, Myanmar, Australia, Singapura dan United Kingdom menetapkan nilai ambang yang jauh lebih tinggi, membolehkan lebih banyak syarikat mendapat manfaat daripada rangka kerja pengecualian audit.

Sebagai contoh, di UK, syarikat-syarikat layak mendapat pengecualian audit jika mereka memenuhi sekurang-kurangnya dua kriteria: hasil tahunan di bawah £10.2 juta, jumlah aset tidak melebihi £5.1 juta atau mempunyai kurang daripada 50 pekerja. Begitu juga, Singapura membenarkan pengecualian audit bagi syarikat-syarikat yang mempunyai hasil dan aset di bawah SGD10 juta atau pekerja tidak melebihi 50 orang.

Menyedari cabaran ini, SSM telah menjalankan kajian menyeluruh terhadap kriteria pengecualian audit yang diperkenalkan pada tahun 2017. Kajian ini termasuk menganalisis maklum balas daripada dua sesi konsultasi dengan pihak-pihak berkepentingan pada tahun 2023 dan 2024, di mana 88% daripada responden menyokong inisiatif SSM ini. Kriteria yang dipinda ini bertujuan menangani keimbangan dalam maklumbalas-maklumbalas yang diterima selain menyeimbangkan antara pelepasan pematuhan peraturan dan ketelusan kewangan.

### Hasil Proses Rundingan Mengenai Kriteria Pengecualian Audit Baharu



**88%** responden menyokong

## Memperkuuh Rangka Kerja Pengecualian Audit Bagi PKS dan Meningkatkan Kecekapan Peraturan

Untuk meningkatkan kadar penyerahan penyata kewangan yang tidak diaudit dan menangani penemuan daripada analisis yang dijalankan secara menyeluruh, SSM telah mengkaji semula kriteria kelayakan pengecualian audit sedia ada. Kajian yang dilaksanakan ini bertujuan untuk memastikan bahawa kriteria pengecualian audit terus kekal berkesan dalam mengurangkan beban kewangan PKS di samping memperluaskan akses kepada dasar pengecualian audit.

Di samping mengurangkan beban pematuhan peraturan dan kos operasi bagi PKS, kajian semula pengecualian audit oleh SSM ini turut menekankan komitmennya untuk menangani isu-isu yang dikenalpasti dalam Laporan Kepatuhan terhadap Piawaian dan Kod di Malaysia – Pengauditan dan Perakaunan (*Report on the Observance of Standards and Codes in Malaysia – Auditing and Accounting (ROSC)*), yang diterbitkan oleh Bank Dunia (World Bank) pada tahun 2012. Laporan ROSC (inisiatif bersama Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa) ini menilai pematuhan terhadap piawaian antarabangsa dalam bidang seperti perakaunan, audit, tadbir urus korporat dan peraturan kewangan. Bagi Malaysia, laporan ini adalah penting untuk memastikan amalan kewangan negara sejajar dengan penanda aras antarabangsa, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi pelaburan yang kompetitif dan menarik.

### Kriteria Pengecualian Audit Baharu (Arahan Amalan 10/2024)

Dilaksanakan secara berperingkat dan terpakai bagi tempoh kewangan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2025. Syarikat perlu memenuhi sekurang-kurangnya dua daripada tiga kriteria berikut:

- Hasil tahunan tidak melebihi RM3,000,000
- Jumlah aset tidak melebihi RM3,000,000
- Bilangan pekerja tidak melebihi 30 orang

Syarikat dorman kekal dikecualikan, manakala syarikat awam, anak syarikat-syarikat awam dan syarikat asing tidak memenuhi syarat untuk pengecualian ini bagi mengekalkan ketelusan kewangan.

Laporan ROSC ini mengenal pasti ketidakseimbangan kritikal antara permintaan tinggi perkhidmatan audit statutori yang disebabkan oleh keperluan rejim audit mandatori ke atas semua syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 dan ketersediaan juruaudit yang terhad di Malaysia. Sehingga 31 Disember 2024, terdapat 691,960 syarikat aktif berdaftar dengan SSM, berbanding hanya 1,955 juruaudit yang diluluskan. Ketidakseimbangan antara jumlah syarikat aktif yang tinggi berbanding jumlah juruaudit yang rendah ini memberikan tekanan yang besar terhadap keupayaan juruaudit-juruaudit sedia ada, yang berpotensi menjelaskan kecekapan dan kualiti keseluruhan perkhidmatan pengauditan. Kekurangan jumlah juruaudit ini semakin kritikal dengan keperluan mandatori bagi sebahagian besar syarikat untuk mengumumkan penyata kewangan yang diaudit.

Kerangka pengecualian audit SSM di bawah subseksyen 267(2) Akta Syarikat 2016 dan Arahan Amalan 10/2024 yang terbaru merupakan langkah proaktif untuk menangani cabaran ini. Dengan mengurangkan tekanan terhadap jumlah juruaudit sedia ada, kerangka ini bertujuan untuk mengekalkan reputasi profesion juruaudit sambil memperluaskan skop pengecualian audit, terutamanya bagi entiti swasta. Inisiatif ini juga bertujuan untuk meningkatkan nilai laporan audit di Malaysia serta memupuk persekitaran kawal selia yang lebih seimbang dan mampan.

## Konsultasi Pemegang Taruh

Untuk memperhalusi perubahan yang dicadangkan, SSM telah menjalankan proses konsultasi yang menyeluruh. Pada Februari 2023, dokumen konsultasi pertama telah dikeluarkan, mencadangkan penyesuaian terhadap ambang kelayakan pengecualian audit sedia ada. Maklum balas daripada konsultasi ini telah membentuk dokumen konsultasi kedua yang diterbitkan pada Februari 2024, yang memperincikan lagi kriteria dan ambang kelayakan pengecualian audit.

Sepanjang kedua-dua sesi konsultasi, SSM telah menerima 1,023 maklum balas bertulis daripada pelbagai pihak berkepentingan, termasuk badan profesional, pemain industri, entiti korporat, persatuan perniagaan dan pengamal individu. Menyedari potensinya dalam mengurangkan kos pematuhan bagi PKS, sebanyak 88% responden menyatakan sokongan terhadap dasar pengecualian audit yang dinyatakan dalam dokumen-dokumen konsultasi ini. Walau bagaimanapun, 12% responden menyuarakan kebimbangan mengenai risiko seperti ketelusan yang berkurangan dalam pelaporan kewangan dan potensi penipuan yang lebih tinggi. Selain itu, 77% daripada responden mencadangkan untuk melaksanakan ambang yang lebih rendah untuk mengurangkan risiko ini.

Usaha konsultasi ini mencerminkan komitmen SSM untuk merangka satu kerangka kerja yang seimbang bagi menyokong pertumbuhan PKS sambil mengekalkan ketelusan dan akauntabiliti kewangan. Pindaan yang dicadangkan ini bertujuan untuk menetapkan kriteria pengecualian audit di Malaysia yang praktikal serta selaras dengan amalan terbaik antarabangsa.

SSM kekal teguh dalam komitmen kami untuk menyokong perniagaan sepanjang tempoh peralihan ini. Fokus kami adalah memastikan kriteria yang dikemas kini ini relevan dan boleh disesuaikan, memenuhi keperluan pelbagai syarikat merentasi pelbagai sektor. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan pematuhan tetapi juga mewujudkan persekitaran kawal selia yang lebih inklusif dan sejarar dengan amalan terbaik antarabangsa.



**Datuk Nor Azimah Abdul Aziz**  
Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat Malaysia

## Kriteria Baharu Pengecualian Audit bagi Syarikat Sendirian Berhad di Malaysia

Pada 16 Disember 2024, SSM telah mengumumkan kriteria baharu bagi pengecualian audit untuk syarikat sendirian berhad melalui Arahan Amalan 10/2024. Di bawah rangka kerja yang dikemas kini ini, syarikat yang ingin mendapatkan pengecualian audit mesti memenuhi sekurang-kurangnya dua daripada tiga kriteria yang dinyatakan dalam Arahan Amalan tersebut.

Pertama, pendapatan tahunan syarikat tidak melebihi RM3,000,000 bagi tahun kewangan semasa dan dua tahun kewangan sebelumnya. Kedua, jumlah aset syarikat seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan bagi tahun kewangan semasa dan dua tahun kewangan sebelumnya tidak melebihi RM3,000,000. Akhir sekali, jumlah pekerja pada akhir tahun

kewangan semasa dan dua tahun kewangan sebelumnya tidak melebihi 30 orang.

Penguatkuasaan kriteria baharu pengecualian audit ini akan berkuat kuasa bagi tempoh kewangan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2025. Bagi penyata kewangan yang disediakan untuk tempoh kewangan yang bermula sebelum 31 Disember 2024, kriteria pengecualian audit sedia ada akan terus diguna pakai.

## Pelaksanaan Berfasa untuk Memudahkan Peralihan

Bagi memudahkan pelaksanaan rangka kerja yang baharu ini, SSM telah memperkenalkan pendekatan pelaksanaan secara berfasa dalam tempoh tiga tahun, membolehkan syarikat-syarikat menyesuaikan diri secara berperingkat dengan keperluan baharu.

Fasa 1 akan berkuat kuasa bagi penyata kewangan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2025, dengan serah simpan bermula dari 1 Januari 2026. Dalam fasa ini, ambang kelayakan ditetapkan kepada syarikat-syarikat dengan pendapatan tahunan sebanyak RM1,000,000, jumlah aset RM1,000,000 dan maksimum 10 pekerja.

Seterusnya, Fasa 2 akan menyusul bagi penyata kewangan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2026, dengan serah simpan bermula dari 1 Januari 2027. Dalam fasa ini, ambang kelayakan dinaikkan kepada pendapatan tahunan sebanyak RM2,000,000, jumlah aset RM2,000,000 dan maksimum 20 pekerja.

Akhir sekali, Fasa 3 akan dilaksanakan bagi penyata kewangan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2027, dengan serah simpan bermula dari 1 Januari 2028. Dalam fasa ini, ambang kelayakan dilaksanakan sepenuhnya kepada syarikat-syarikat dengan pendapatan tahunan sebanyak RM3,000,000, jumlah aset RM3,000,000 dan maksimum 30 pekerja.

Pelaksanaan Berperingkat Pengecualian Audit Baharu	
FASA 1	<p><b>Terpakai bagi tempoh kewangan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2025</b></p> <p><b>Serah Simpan bermula 1 Januari 2026</b></p> <p>Had kelayakan:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Hasil tahunan: RM1,000,000</li><li>• Jumlah aset: RM1,000,000</li><li>• Bilangan pekerja: Maksimum 10</li></ul> <p>Memberi manfaat kepada kira-kira 42% syarikat aktif</p>
FASA 2	<p><b>Terpakai bagi tempoh kewangan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2026</b></p> <p><b>Serah Simpan bermula 1 Januari 2027</b></p> <p>Had kelayakan:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Hasil tahunan: RM2,000,000</li><li>• Jumlah aset: RM2,000,000</li><li>• Bilangan pekerja: Maksimum 20</li></ul> <p>Memberi manfaat kepada kira-kira 48% syarikat aktif</p>
FASA 3	<p><b>Terpakai bagi tempoh kewangan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2027</b></p> <p><b>Serah Simpan bermula 1 Januari 2028</b></p> <p>Had kelayakan:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Hasil tahunan: RM3,000,000</li><li>• Jumlah aset: RM3,000,000</li><li>• Bilangan pekerja: Maksimum 30</li></ul> <p>Memberi manfaat kepada kira-kira 51% syarikat aktif</p>

Pendapatan tahunan, jumlah aset dan bilangan pekerja bagi dua tahun kewangan sebelumnya mesti tidak melebihi had maksimum yang ditetapkan bagi setiap fasa yang bersesuaian.

## Pengecualian

Rangka kerja pengecualian audit yang dikemas kini turut merangkumi syarat dan pengecualian, khususnya bagi memastikan ia hanya terpakai kepada entiti yang layak. Syarikat dorman, sama ada yang tidak aktif sejak penubuhan atau sepanjang tahun kewangan semasa dan dua tahun sebelumnya, tetap dikecualikan daripada keperluan audit.

Namun, pengecualian audit di bawah Arahan Amalan ini tidak terpakai kepada beberapa jenis syarikat tertentu.

Pertama, ia tidak meliputi syarikat persendirian berkecuali (*Exempt Private Company – EPC*) yang telah memilih untuk mengemukakan sijil kepada Pendaftar, mengesahkan status mereka sebagai syarikat persendirian berkecuali mengikut Seksyen 260 Akta Syarikat 2016.

Kedua, syarikat awam, termasuk yang tersenarai di bursa saham, tidak layak untuk mendapat pengecualian audit.

Selain itu, syarikat persendirian yang merupakan anak syarikat kepada syarikat awam juga dikecualikan daripada kelayakan ini.

Akhir sekali, syarikat asing yang menjalankan perniagaan di Malaysia tidak layak untuk mendapat pengecualian audit ini.

Kerangka pengecualian audit ini bertujuan memastikan bahawa hanya syarikat-syarikat yang layak sahaja diberikan pengecualian audit, sekali gus mengekalkan integriti dan ketelusan dalam laporan kewangan.

Rangka kerja pengecualian audit ini juga tertakluk kepada pengecualian berdasarkan keperluan khusus oleh agensi-agensi tertentu yang mewajibkan penyediaan penyata kewangan beraudit mengikut undang-undang, dasar dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh agensi-agensi tersebut. Keperluan pelaksanaan audit ini ditetapkan sama ada melalui undang-undang, dasar dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh agensi-agensi tersebut, terutamanya bagi aktiviti perlesenan, geran, pinjaman serta pemantauan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Agensi-agensi ini mengutamakan pengurusan risiko, tadbir urus dan kebolehpercayaan. Dalam konteks ini, keperluan untuk penyata kewangan bagi syarikat-syarikat di bawah kawal selia agensi-agensi ini diaudit adalah bagi memastikan kredibiliti, ketelusan dan kebolehpercayaan maklumat yang disediakan dalam penyata kewangan oleh syarikat-syarikat tersebut, terutamanya apabila ia melibatkan kepentingan awam, risiko kewangan atau pematuhan terhadap piawaian industri tertentu.

## Memaksimumkan Potensi

Berdasarkan data daripada Penyata Kewangan yang dikemukakan kepada SSM, dianggarkan bahawa 51% daripada syarikat-syarikat swasta aktif berpotensi mendapat manfaat daripada kerangka pengecualian audit ini. Namun, beberapa faktor boleh mempengaruhi bilangan sebenar syarikat yang layak.

Salah satu faktor tersebut ialah anggaran ini tidak mengambil kira jumlah pekerja dalam setiap syarikat, kerana maklumat ini bukan keperluan mandatori yang perlu dinyatakan dalam Penyata Kewangan.

Pengenalan kriteria pengecualian audit yang baharu oleh SSM mencerminkan hasrat dasar yang jelas untuk mengurangkan beban kawal selia dan kewangan ke atas syarikat-syarikat yang layak. Inisiatif ini selaras dengan usaha menyokong pertumbuhan PKS mengikut keperluan undang-undang semasa serta amalan terbaik antarabangsa dalam penyediaan laporan kewangan.



**51%**

daripada syarikat swasta aktif  
boleh mendapat manfaat daripada  
pengecualian audit.

Sehubungan itu, rangka kerja pengecualian audit ini amat bermanfaat kepada syarikat yang lebih kecil, dengan menyesuaikan keperluan kawal selia mengikut kapasiti dan sumber mereka. Walau bagaimanapun, memandangkan terdapat keperluan yang diwajibkan oleh agensi lain, syarikat perlu mengenal pasti obligasi mereka dengan teliti. Sekiranya terdapat keperluan tertentu, syarikat boleh memilih untuk terus menjalankan audit walaupun mereka layak mendapat pengecualian.

## Tanggungjawab Syarikat, Juruaudit dan Setiausaha Syarikat dalam Menyediakan dan Mengemukakan Penyata Kewangan kepada Pendaftar

Pengarah dan syarikat tetap bertanggungjawab untuk menyelenggarakan rekod perakaunan yang betul serta menyediakan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang ditetapkan seperti yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) di bawah Akta Pelaporan Kewangan 1997. Penyata kewangan ini mestilah memberikan gambaran benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan serta prestasi syarikat. Sepanjang tempoh peralihan (2025–2027), syarikat perlu menilai kelayakan mereka secara berkala berdasarkan ambang pengecualian yang dikemas kini dan mematuhi keperluan audit sekiranya melepasinya ambang tersebut dalam mana-mana tahun tertentu.

Melalui pengenalan rangka kerja pengecualian audit yang dikemas kini ini, juruaudit kini boleh memberi tumpuan dalam memberikan perkhidmatan audit kepada syarikat yang boleh mendapat manfaat daripada penyata kewangan beraudit, seperti syarikat yang memerlukannya untuk tujuan pembiayaan, pelesenan atau kewajipan perjanjian yang dipersetujui.

Selain itu, dengan pengurangan jumlah syarikat-syarikat yang memerlukan khidmat audit statutori, juruaudit kini boleh memperluaskan perkhidmatan yang ditawarkan mereka, termasuk khidmat nasihat. Perkhidmatan ini dapat membantu syarikat memperkuuh kawalan dalaman, meningkatkan pelaporan kewangan dan memperbaiki tadbir urus, yang merupakan langkah penting untuk mengekalkan ketelusan dan kepercayaan dalam keadaan tiada audit statutori diperlukan, seperti ditetapkan dalam rangka kerja pengecualian audit ini.

Selain itu juga, penyata kewangan yang tidak diaudit dan dikemukakan kepada SSM dalam format XBRL melalui portal MBRS 2.0 boleh menangani keimbangan berkaitan pengecualian audit dengan memastikan pematuhan kepada piawaian perakaunan. Taxonomy XBRL mengandungi piawaian perakaunan yang berkaitan dan berfungsi sebagai rangka kerja untuk membimbing penyediaan penyata kewangan. Ini memastikan data kewangan adalah tepat, konsisten dan standard, walaupun tanpa audit luaran. Format XBRL yang berstruktur, bersama proses penyerahan yang lebih efisien melalui portal MBRS 2.0, meningkatkan ketelusan dan kebolehpercayaan, membolehkan pihak berkepentingan menilai tahap kewangan syarikat dengan yakin.

Begitu juga, setiausaha syarikat boleh memainkan peranan penting dalam memastikan peralihan pengecualian audit berjalan lancar dengan menasihati pengarah mengenai kelayakan syarikat, mendokumentasikan keputusan berkaitan dan mengekalkan rekod yang betul. Di samping itu, setiausaha

syarikat perlu memastikan penyata kewangan dan dokumen statutori disediakan, diserahkan serta dilaporkan kepada SSM dalam tempoh yang ditetapkan, bagi memperkuuh pematuhan peraturan. Selain itu tindakan untuk memaklumkan keputusan syarikat untuk memilih pengecualian audit kepada pihak berkepentingan, termasuk pemegang saham, adalah penting untuk mengekalkan tadbir urus korporat yang baik serta memupuk kepercayaan dan akauntabiliti.

## Mengimbangi Ketelusan, Akauntabiliti dan Tadbir Urus

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Datuk Arminan Mohd Ali berkata, pengenalan kriteria baru ini merupakan langkah strategik ke arah meningkatkan daya saing syarikat swasta, mempercepatkan proses pematuhan, serta memperkuuh daya tahan korporat dalam menghadapi cabaran ekonomi global. Selaras dengan prinsip kelestarian Malaysia MADANI, inisiatif ini mengurangkan kos pematuhan, membolehkan syarikat, terutamanya PKS, mengoptimalkan sumber kewangan, memperluaskan perniagaan dan memberi tumpuan dalam inovasi. Dengan mengurangkan beban kawal selia, kita dapat mewujudkan sektor korporat yang lebih dinamik, yang dapat menyalurkan sumber ke dalam teknologi baharu, pembangunan produk dan pertumbuhan pasaran.

“Kami optimis bahawa penyesuaian ini akan memperkasakan perniagaan, terutamanya PKS, untuk menumpukan perhatian kepada kemajuan operasi dan menilai peluang baharu. Dengan mengurangkan tuntutan kawal selia, matlamat kami adalah untuk mewujudkan persekitaran yang lebih menyokong kepada galakan pertumbuhan dan inovasi. Kami yakin bahawa inisiatif ini akan memperkuuh sektor korporat, membolehkan mereka menelusuri landskap ekonomi global yang sentiasa berubah serta memacu kemakmuran jangka panjang negara,” katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Datuk Nor Azimah Abdul Aziz pula berkata, rangka kerja baharu ini telah dirangka dengan teliti untuk mempermudah proses pematuhan bagi syarikat yang lebih kecil, disamping memperkuuh prinsip asas ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus yang baik dalam pelaporan korporat.

“SSM kekal teguh dalam komitmen kami untuk menyokong perniagaan sepanjang tempoh peralihan ini. Fokus kami adalah untuk memastikan kriteria yang dikemas kini ini relevan dan boleh disesuaikan, memenuhi keperluan pelbagai syarikat merentasi pelbagai sektor. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan pematuhan tetapi juga mewujudkan persekitaran kawal selia yang lebih inklusif dan seajar dengan amalan terbaik antarabangsa,” katanya.

Nor Azimah turut menambah bahawa SSM akan terus memantau kesan perubahan ini dan membuat penyesuaian jika perlu bagi memastikan rangka kerja ini kekal kukuh, dinamik serta menyokong perniagaan, khususnya PKS.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web rasmi SSM di [www.ssm.com.my](http://www.ssm.com.my). Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada SSM Customer Care (SSMCC) melalui bahagian Aduan & Maklumat Balas, Chatbot SSM dan SSM Live Chat yang boleh diakses melalui portal rasmi SSM, atau hubungi 03-7721 4000 atau emel ke [enquiry@ssm.com.my](mailto:enquiry@ssm.com.my).



03-7721 4000 [enquiry@ssm.com.my](mailto:enquiry@ssm.com.my)

